UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



SESI
2026/
2027

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN



FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN DEKAN	I
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)	II
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI	1
LATAR BELAKANG UMT	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL	3
MAKLUMAT AM	4
KEMUDAHAN MAKMAL	5
TUGAS DAN PERANAN MENTOR	7
PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
KETUA PROGRAM PENGAJIAN	11
PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN	12

Kata Alu-aluan Dekan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi Akademik 2026/2027 dapat disempurnakan. Pada sesi ini, FPEPS menawarkan lapan program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA, iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi), Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), Sarjana Muda Perakaunan, Sarjana Muda Kaunseling, Sarjana Muda Kewangan, dan Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim, kesemuanya dengan Kepujian.

Fakulti mengalu-alukan kehadiran anda sebagai warga baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Tahniah kerana terpilih untuk melanjutkan pengajian di FPEPS. Manfaatkanlah peluang ini sebaik-baiknya sepanjang tempoh pengajian dengan komitmen, disiplin dan kesungguhan. Warga fakulti sentiasa bersedia untuk membimbing dan membantu anda mencapai kecemerlangan akademik, sahsiah dan peribadi.

FPEPS komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan berdaya saing yang memenuhi keperluan semasa serta kehendak dunia pekerjaan. Beberapa program turut mendapat pengiktirafan badan profesional, antaranya program Perakaunan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW, CIMA dan CPA Australia, program Kaunseling oleh Lembaga Kaunselor Malaysia, serta program Kewangan oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC). Fakulti juga disokong oleh tenaga akademik yang berkelayakan dan berpengalaman serta jaringan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang membuka ruang kepada pelajar untuk memperluas pengalaman dan jaringan antarabangsa.

Selain pembelajaran di dalam bilik kuliah, pelajar berpeluang menyertai pelbagai aktiviti akademik, kepimpinan, kesukarelawanan, mobiliti dan kokurikulum di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti. Penglibatan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti, program pengajian dan kelab-kelab pelajar akan membantu membentuk kemahiran insaniah, kepimpinan dan profesionalisme yang penting untuk menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda hendaklah sentiasa peka terhadap peraturan akademik serta memanfaatkan sepenuhnya peluang pembelajaran yang disediakan. Gunakan kemudahan dan teknologi digital secara berhemah bagi menyokong pembelajaran anda, di samping sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat apabila diperlukan.

Akhir kata, rancanglah pengajian anda dengan sebaik-baiknya, bina kecemerlangan secara konsisten dan bersedialah menghadapi cabaran serta perubahan dunia semasa. Semoga segala usaha anda membuahkan kejayaan yang memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadikanlah Buku Panduan ini sebagai rujukan sepanjang tempoh pengajian anda di FPEPS.

Selamat maju jaya. Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Nazli bin Aziz
Dekan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER I: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
27/9/2026 – 3/10/2026	**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU JALINAN MESRA**	
MINGGU 1-4 4 – 31/10/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 (Minggu 1 & 2 Sahaja)	
MINGGU 5-7 1 – 21/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur) ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 6 (8 & 9 November 2026)*	**Hari Deepavali** 8/11/2026 (Ahad)
MINGGU 8 22 – 28/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 29/11/2026 – 5/12/2026	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid Minggu 12 (24 Dis 2026) & 13 (27 Dis 2026)*	**Hari Krismas** 25/12/2026 (Jumaat)
MINGGU 14 3 – 9/1/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Israj Mikraj** 6/1/2027 (Rabu)
10 – 16/1/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
MINGGU 15-17 17/1/2027 – 6/2/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Tahun Baru Cina** 6 - 7/2/2027 (Sabtu - Ahad)
7/2/2027 – 6/3/2027	**CUTI ANTARA SEMESTER**	**Tahun Baru Cina (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 8/2/2027 (Isnin) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Rabu) **Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER I: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
27/9/2026 – 3/10/2026	REGISTRATION AND ORIENTATION FOR NEW STUDENTS	
WEEK 1-4 4/10/2026 – 31/10/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study - Application for Credit Transfer for First Year Student (Week 1 & 2 only)	
WEEK 5-7 1 – 21/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop) ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 6 (8 & 9 Nov. 2026)*	
WEEK 8 22 – 28/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop)	
WEEK 9 29/11/2026 – 5/12/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	CLASSES/ LECTURES ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 12 (24 Dec 2026) & 13 (27 Dec 2026)*	**Christmas Day** 25/12/2026 (Friday)
WEEK 14 3 – 9/1/2027	CLASSES/ LECTURES - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Israj Mikraj Holiday** 6/1/2027 (Wednesday)
10 – 16/1/2027	STUDY WEEK	
17/1/2027 – 6/2/2027	FINAL EXAMINATION - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Chinese New Year** 6 – 7/2/2027 (Saturday-Sunday)
7/2/2027 – 6/3/2027	SEMESTER BREAK	**Chinese New Year Holiday** 8/2/2027 (Monday) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Wednesday) **Sultan of Terengganu's Coronation** 4/3/2027 (Thursday)

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1 7 – 13/3/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 1 (7 – 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 5-7 4 – 24/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	**Hari Keputeraan Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Isnin) **Hari Pekerja** 1/5/2027 (Sabtu) **Hari Pekerja (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 2/5/2027 (Ahad)
MINGGU 9 2 – 8/5/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 11 (16 – 22 Mei 2027)*	**Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis) **Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 14 6 – 12/6/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Awal Muharram** 6/6/2027 (Ahad) **Hari Keputeraan YDP Agong** 6/6/2027 (Ahad)
13/6/2027 – 19/6/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER II: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1 7 – 13/3/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly hybridly Classes for Week 1 (7 & 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Wednesday - Thursday)
WEEK 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study	
WEEK 5-7 4 – 24/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	**Birthday Of Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Monday) **Labour Day** 1/5/2027 (Saturday) **Labour Day Holiday** 2/5/2027 (Sunday)
WEEK 9 2 – 8/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP) *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 11 (16-22 May 2027)*	**Arafah Day & Hari Raya Aidiladha** 16 - 18/5/2027 (Sunday -Tuesday) **Wesak Day** 20/5/2027 (Thursday)
WEEK 14 6 – 12/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Awal Muharam** 6/6/2027 (Sunday) **Birthday Of YDP Agong** 7/6/2027 (Monday)
13/6/2027 – 19/6/2027	**STUDY WEEK**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.

Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 25/7/2027– 7/8/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 8 – 14/8/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 15 – 28/8/2027	**KULIAH**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Ahad)
MINGGU 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Hari Kebangsaan** 31/8/2027 (Selasa)
MINGGU 9 5 – 11/9/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SHORT SEMESTER : SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study	
WEEK 3-4 25/7/2027 – 7/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 5 8 – 14/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 6-7 15 – 28/8/2027	**CLASSES/ LECTURES**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Sunday)
WEEK 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Merdeka Day** 31/8/2027 (Tuesday)
5 – 11/9/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-5 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkukuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 8 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

Program	Tahun
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim	3.5


PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KHUSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



MAKLUMAT AM

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	Baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	Lemah
40-44	D	1.00	
< 39	F	0.00	Gagal

SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 - 4.00	Cemerlang	Distinction
2.00 - 3.66	Kepujian	Honours

KEMUDAHAN MAKMAL



MAKMAL KOMPUTER



MAKMAL KAUNSELING









TRADING ROOM

TUGAS DAN PERANAN MENTOR

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**
  - Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**
  - Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**
  - Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**
  - Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**
  - Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktu pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**
  - Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**
  - Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.
- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.
- **Merujuk Kepada Pakar**
  - Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

DRESS CODE

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
- Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata.
- Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-

Berskirt di atas paras lutut	Berseluar jeans
Berbaju T tanpa kolar lengan	Berseluar / berskirt ketat
Berbaju tanpa lengan	Berselipar

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepasi paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

UMT

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU





BAJU KASUAL



BAJU FORMAL



BAJU KORPORAT



BAJU MELAYU / KURUNG



BAJU SUKAN

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Peraturan Etika Berpakaian Pelajar Universiti Malaysia Terengganu boleh mengimbas Kod QR yang tertera

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Seksyen Tajaan dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Terengganu melalui talian 09-6684323

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI



Profesor Madya Dr. Nazli Aziz

Dekan



Profesor Madya Dr Azwadi Ali

Timbalan Dekan (Akademik & HEP)



Profesor Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat

Timbalan Dekan (Siswazah)



Profesor Madya Dr. Zairihan Abdul Halim

Timbalan Dekan (Bakat & Penyelidikan)



Cik Wan Zawati Wan Jaafar

Penolong Pendaftar Kanan



Puan Syahirah Wahida Mohamad

Pegawai Eksekutif 9

KETUA PROGRAM PENGAJIAN

PRA-SISWAZAH



Ketua Program SM Kaunseling

Dr. Raba`Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusof



Ketua Program SM Perakaunan

Dr. Norazlina Ilias



Ketua Program SM Pengurusan (Pemasaran)

Dr. Sarina Ismail



Ketua Program SM Ekonomi (Sumber Alam):

Dr. Muhammad Najit Sukemi



Ketua Program SM Kewangan

Dr. Siti Nurain Muhmad



Ketua Program SM Pengurusan (Pengajian Polisi):

Dr. Norfatiha Othman



Ketua Program SM Pengurusan Pelancongan

Dr. Mohd Rahimi Abdul Halim



Ketua Program SM Psikologi dengan Pengurusan Maritim

Profesor Madya Dr Raja Zirwatul Aida

PASCA-SISWAZAH



Ketua Bidang Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Profesor Madya Dr. Hayatul Safrah Salleh



Ketua Bidang Sarjana Kaunseling

Profesor Madya Dr. Siti Salina Abdullah



Ketua Bidang Sarjana Ekonomi

Profesor Madya Dr.Mahirah Kamaludin



Ketua Bidang Sarjana Pengurusan Zon Pantai Bersepadu

Dr. Aleff Omar Shah Nordin

SENARAI PENSYARAH



Dr. Sarina Ismail
Ph.D. (UUM),
MBA (UUM),
Dip. IT (Swansea Institute)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/Ketua Program
09-6334203
kp_pemasaran.fpeps@umt.edu.my
sarina.ismail@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat
Ph.D. (Edith Cowan),
M.Mgmt. (UIAM),
B.Mgmt. (Tech.) (UTM)
Bidang: Pengurusan
Pensyarah Kanan/ Timbalan Dekan Siswazah
09-6334188
nikhazimah@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Hayatul Safrah Salleh
DBA (UUM),
MBA (Cardiff),
B.Mgmt. (USM)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/Pengerusi Bidang MBA
09-6334174
hayatul@umt.edu.my



Prof Madya To' Puan Dr. Fahirah Syaliza Mokhtar
Ph.D. (UKM),
LLM (UKM)
LLB Hons (UKM)
Bidang: Undang-Undang Syarikat
Pensyarah Kanan/ Penasihat Undang-Undang
09-6333659
fahirah.mokhtar@umt.edu.my



Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan
Ph.D. (Cardiff),
MBA (UiTM),
BBA Marketing (Hons.) (UiTM),
DBS (UiTM), PG Dip. Soc. Sc. Research Methods (Cardiff)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/ Pengarah Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri & Masyarakat
09-6334230
zuha@umt.edu.my



Dr. Azlinzuraini Ahmad
Ph.D. (Leeds),
M.Sc. (UPM),
B.Sc. Agribusiness (UPM)
Bidang: Pengurusan
Pensyarah Kanan/ Timbalan Pengarah Pembangunan Akademik
09-6334128/6334241
azlinzuraini@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Siti Falindah Padlee
Ph.D. (Monash Australia),
M.Sc Mmgt (UTM),
B.Sc.Mgmt Fin (UUM),
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/ Timbalan Dekan Akademik (FPM)
09-6334203
siti.falindah@umt.edu.my



Dr. Nur Amalina Mohamad Zaki
Ph.D. (Griffith),
MBA (Western Michigan),
B.Sc. Bus. Admin. (Indiana)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/ Ketua UMT SPRINT
Tel: 09-6333708
amalina@umt.edu.my



Profesor Hajah Dr. Yusliza Mohd Yusoff
Ph.D. (UiTM),
MBA (USM),
BBA (UPM)
Bidang: Pengurusan Sumber Manusia
Pensyarah Kanan/ Penyelaras Mobiliti Program
09-6334243
yusliza@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Azizul Yadi Yaakop
Ph.D. (Surrey),
MBA (UKM),
BBA (UIAM)
Bidang: Pemasaran
09-6334181
Pensyarah Kanan
azizul_yadi@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Prof Madya Dr. Haji Abdul Hafaz Ngah, CMILT
Ph.D. (UMP),
M.Ed. (UTM),
BBA (UKM),
Dip. Finance (KUSZA), Pro. Dip. Freight Logistics & Mgmt. (OUM)
Bidang: Pengurusan
Pensyarah Kanan
09-6334573
hafaz.ngah@umt.edu.my



Prof. Madya To' Puan Dr. Marhana Mohamed Anuar
Ph.D. (USM),
MBA (Middlesex London),
BSBA (Northern Arizona)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/Penyelaras Promosi & Publisiti Program
09-6333290
marhana@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Muhammad Abi Sofian Abdul Halim
Ph.D. (UMT),
MBA (UKM),
B.Music (UiTM)
Bidang: Pengurusan
Pensyarah Kanan
09-6334805
abi.sofian@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Safiek Mokhlis
Ph.D. (Stirling),
M. Ed. (OUM), M.Ed.M. (UniSZA),
M.Sc. (UPM),
BBA (UPM)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan
09-6334323
safiek@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Siti Nur 'Atikah Zulkiffli
Ph.D. (Wollongong),
MBA (UiTM),
B. Mgmt. (Marketing) (KUSTEM)
Bidang: Pengurusan Strategik
Pensyarah Kanan/ Penyelaras ALUMNI Program
09-6334812
atikahzulkiffli@umt.edu.my



Dr. Noor Fadhiha Mokhtar
Ph.D. (Victoria),
MBA (UiTM),
BBA (Hons.) (UiTM),
DBS (UiTM)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan
09-6334231
noorfadhiha@umt.edu.my



Dr. Junaidah Abd. Karim
Ph.D. Law (UM),
LLM (UKM),
LLB (Hons.) (Kent)
Bidang: Undang-Undang Buruh, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Pensyarah Kanan/ Penyelaras MBA UMTSEA
09-6334204
junaidah@umt.edu.my



Dr. Nur Aishah Awi
Ph.D. (Coventry),
M.Sc. QS (Operation Mgmt.) (UiTM),
B.Sc. (Statistics) (Hons.) (UiTM)
Bidang: Analitik Perniagaan
Pensyarah Kanan/ Penyelaras Kualiti Program
09-6334151
nuraishah@umt.edu.my



Dr. Monizaihasra Mohamed
Ph.D. (UKM),
MBA (UPM),
B.Mgmt. (Marketing) (KUSTEM),
Dip. Acc. (UiTM)
Bidang: Pemasaran
Pensyarah Kanan/ Penyelaras LI & JKLI Program
09-6333152
monizamohamed@umt.edu.my



En. Mohamad Syafiq Sulaiman
Master in International Law (IIUM),
Bacherlor of Law (Unisza)
Bidang: Malaysian Law dan International Law
Pensyarah/Penyelaras Data & Strategi Program
09-6334184
syafik@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Dr. Mohd. Suhaimi Shamsudin
Ph. D (UMT)
Master (ICZM) (UMT)
B Eng. (Mechanical) (USM)
Bidang: Pengurusan Strategik & Operasi
09-6334998
Pensyarah Kanan/ Penyelaras Risiko Fakulti
mohdsuhaimi.s@umt.edu.my



Dr. Anas M S Abukhalifa
Ph.D. in Business Administration, (UM),
Master of Public Administration, (UM),
Bachelor of Business Administration, (IUG), Palestine
Bidang: Strategic Human Resource Management
Pensyarah
09-6333524
Abukhalifa@umt.edu.my



Dr. Mona Fairuz Ramli
Ph.D. (UUM),
MBA(UUM),
BBA (hons) Marketing (UITM)
Bidang: Pemasaran
096333199
Pensyarah Kanan/Penyelaras Mobiliti (Fakulti)
munafairuz@umt.edu.my



Dr. Arifha Mohamad
Ph.D. (UiTM),
Master of Corporate Administration (UiTM),
Bachelor of Corporate Administration (UiTM)
Bidang: Pengurusan
096333188
Pensyarah Kanan/ Penyelaras Siswazah
arifha@umt.edu.my



Dr. Nik Fadhilah Nik Him
Ph. D (UniSZA)
Master (Environmental Management) (UKM)
B. Development Management (UUM)
Bidang: Pengurusan/pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
096334532
Pensyarah/Penasihat Kelab Mar'C
n.fadhilah@umt.edu.my



Mdm Sujana Shafi
MSc in Marketing, (UMT)
BBA, East West University, Bangladesh
Bidang: Marketing
Pensyarah
096334970
sujana.shafi@umt.edu.my



Dr. Nazim Hanis Zainal Abidin
Ph.D (UMPSA)
MSc. (USM)
BEng. (UTM)
Bidang: Pengurusan
Pensyarah
096335162
nazim.hanis@umt.edu.my



Mr Muhammad Hammad
MS (Management Science) (SZABIST) Pakistan
MBA (AIOU) Pakistan
Bidang: Human Resource Management
Pensyarah
096335168
hammad@umt.edu.my

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN

Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) adalah khusus bagi pelajar yang ingin mengukuhkan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pemasaran. Proses pembelajaran dan pengajaran dikendalikan oleh tenaga pengajar dalam bidang pemasaran, pengurusan serta pemikir industri. Pelaksanaan program ini turut memenuhi tanggungjawab sosial universiti dengan menyediakan tenaga kerja terlatih yang berupaya memenuhi kehendak pasaran kerja semasa. Program ini digubal dengan objektif untuk menyampaikan dan memberi kefahaman mengenai konsep dan prinsip-prinsip pengurusan serta pemasaran. Selain itu, ia bertujuan untuk menerapkan kompetensi pengurusan dan pemasaran dalam merancang, mengenal pasti, menganalisis dan menilai masalah yang timbul dalam konteks pemasaran. Program ini juga berperanan memupuk sikap beretika, profesional dan yakin diri dalam kalangan siswazah. Sejajar dengan aspirasi universiti untuk melahirkan siswazah yang kompeten serta bersifat ihsan demi kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam.

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN

OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGRAM (PROGRAM EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO)
Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) akan menghasilkan graduan yang;

- PEO1: Memiliki pengetahuan luas secara teori dan praktikal yang komprehensif dalam bidang pengurusan dan pemasaran selari dengan kehendak industri.
- PEO2: Mempunyai kemahiran pengurusan dan keusahawanan yang komprehensif untuk melaksanakan dengan berkesan dan bertanggungjawab dalam organisasi.
- PEO3: Mengaplikasikan teknik digital dan analitik secara meluas untuk menyokong fungsi pengurusan dan pemasaran.
- PEO4: Menunjukkan kepimpinan, komunikasi interpersonal, kreativiti dan kemahiran inovasi dalam kerja berpasukan.
- PEO5: Menghayati pembelajaran sepanjang hayat dan berkomitmen untuk perkembangan kerjaya.

PROSPEK KERJAYA

Prospek kerjaya dalam bidang pemasaran berkait rapat dengan aspek pembelian, peruncitan, pengeluaran, jualan dan logistik. Graduan Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) mempunyai peluang kerjaya yang luas merangkumi jawatan sebagai wakil jualan, wakil pemasaran, eksekutif jualan, eksekutif pemasaran, pengurus jualan dan pengurus pemasaran. Selain itu, graduan juga berpotensi menceburi bidang pengurusan jenama dan komunikasi, termasuk sebagai eksekutif jenama, pegawai pengiklanan serta pegawai perhubungan awam. Selaras dengan perkembangan teknologi digital, prospek kerjaya turut meliputi bidang pemasaran digital dan perdagangan elektronik melalui jawatan seperti eksekutif pemasaran digital, media sosial dan e-dagang. Di samping itu, graduan juga boleh bergiat dalam bidang penyelidikan pasaran dan analitik data, manakala dalam sektor peruncitan dan rantaian bekalan, peluang kerjaya wujud sebagai pengurus peruncitan, eksekutif pengurusan barangan serta pegawai pemasaran rantaian bekalan.

SYARAT KEMASUKAN

Syarat Khas Program

Lepasan STPM

- Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat STPM;
- Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM; dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET).

Lepasan Matrikulasi/Asasi

- Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat Matrikulasi/Asasi;
- Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM; dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET).

Lepasan Diploma/Setaraf

- Memiliki Diploma atau kelayakan yang setaraf dengan minimum PNGK 2.67;
- Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM; dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET)

Lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM)

- Mempunyai kelulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diperakukan oleh Senat Universiti dalam bidang yang berkaitan dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK Akademik 2.67;

Lepasan SPM

- Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM;

ATAU

Lepasan SVM

- Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Matematik 1, Matematik 2, Matematik 3 dan Matematik 4, atau yang setaraf;

ATAU

- Mendapat sekurang-kurangnya Gred C bagi mata pelajaran Matematik 1 dan Matematik 2, Statistik Perniagaan dan Matematik Perniagaan; dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET).

SYARAT KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

a) General Requirements.

i. Senior High School/Senior Secondary School/ Other Certificates from the government schools (with the period of at least 11 to 12 years of study from primary to higher secondary); OR
ii. GCE A' Level examination obtained at one sitting, OR
iii. Any other certificate that is recognized by the Senate of the University as equivalent to the above

AND

b) Language Requirements.

i. Pass the Test of English Language as a Foreign Language (TOEFL iBT) at least 40, or
ii. Pass the Test of English Language as a Foreign Language (TOEFL Essential (online)) at least 7.5, or
iii. Pass the International English Language Testing System (IELTS) at least 5.0, OR
iv. Pass the Malaysian University English Test (MUET at least Band 3.5)

* Applicants from the country where the official language is English Language must obtain at least credit in English Language Paper at higher secondary school level.

AND

c) Programme's Specific Requirements.

JUMLAH KREDIT UNTUK BERGRADUAT

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah **128** jam kredit. Agihan kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kursus	Jumlah Jam Kredit	
	UMT	Antarabangsa
Teras Universiti	14	12
Teras Program	54	54
Pengkhususan	33	33
Elektif	15	17
Latihan Industri	12	12
JUMLAH	128	128

KURIKULUM PROGRAM

KURSUS TERAS UNIVERSITI

Kod	Nama Kursus	Kredit	Program	
			UMT	ANTARABANGSA
MPU3232	Pengenalan Kepada Keusahawanan	2	√	
COM3122	Bahasa Melayu Komunikasi	2	√	
CCM3112	Santuni Komuniti	2	√	
CCXXXX	Ko-Kurikulum	2	√	√
MPU3152	Integriti dan Anti-Rasuah (KIAR)	2	√	√
MPU3182	Falsafah dan Cabaran Semasa (FCS)	2	√	
MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa (ANB)	2	√	
MPU3102	Elementary Malay Language	2		√
MPU3162	Malaysian Citra	2		√
BBB3022	Communication with Integrity	2		√
CCM3112	Community Care	2		√
	JUMLAH		**14**	**12**

KURSUS TERAS PROGRAM (54 JAM KREDIT)

Kod	Nama Kursus	Kredit
MGM3003	Prinsip Pengurusan	3
MGM3013	Prinsip Pemasaran	3
MGM3043	Gelagat Organisasi	3
ECO3033	Mikroekonomi	3
ECO3043	Makroekonomi	3
MGM3033	Statistik Perniagaan dan Pengurusan	3
MGM3063	Kaedah Kuantitatif dalam Pembuatan Keputusan	3
MGM3073	Pengurusan Sumber Manusia	3
ACT3013	Perakaunan Perniagaan	3
FNC3013	Kewangan Pengurusan	3
MGM3293	Sistem Maklumat Pengurusan	3
MGM3113	Pengurusan Operasi dan Kualiti	3
MGM3143	Undang-Undang Komersial	3
MGM3153	Perniagaan Antarabangsa	3
MGM3163	Keusahawanan	3
MGM3213	Pengurusan Strategik	3
MGM3223	Etika Perniagaan	3
MGM3283	Komunikasi Perniagaan	3
	JUMLAH	**54**

PENGKHUSUSAN (33 JAM KREDIT)

Kod	Nama Kursus	Kredit
MGM3023	Pengurusan Pemasaran	3
MGM3173	Pemasaran Perkhidmatan	3
MGM3083	Kelakuan Pengguna	3
MGM3123	Penyelidikan Pemasaran	3
MGM3183	Pengurusan Produk	3
MGM3233	Pemasaran Antarabangsa	3
MGM3133	Komunikasi Pemasaran Bersepadu	3
MGM3193	Strategi Penetapan Harga	3
MGM3243	Pengurusan Peruncitan	3
MGM3053	Pemasaran Sosial	3
MGM3093	Pemasaran Elektronik	3
	JUMLAH	**33**

KURSUS ELEKTIF (15 ATAU 17 JAM KREDIT)

1. Bagi pelajar UMT, mereka perlu mendaftar lima belas (15) jam kredit. Manakala bagi pelajar Antarabangsa, pelajar perlu mendaftar tujuh belas (17) jam kredit.
2. Elektif Program mempunyai dua bahagian iaitu Kursus Elektif Terhad dan Kursus Elektif Bebas. Pelajar perlu memilih kursus-kursus di bawah elektif tersebut bagi melengkapkan jumlah keseluruhan pengambilan kursus bagi Elektif Program.

Kursus Elektif Terhad (12 Jam Kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
MGM3253	Pemasaran Langsung	3
MGM3262	Pengurusan Barang dan Pembelian	2
MGM3273	Undang-Undang Buruh	3
MGM4983	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3
MGM4993	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3

Kursus Elektif Bebas

1. Bagi pelajar UMT, mereka perlu mendaftar tiga (3) jam kredit kursus elektif bebas daripada mana-mana pusat pengajian.
2. Manakala bagi pelajar Antarabangsa, mereka perlu mendaftar lima (5) jam kredit kursus elektif bebas daripada mana-mana pusat pengajian.

SYARAT PERATUS MINIMUM LULUS KURSUS

Menurut Standard Program Perniagaan MQA (Edisi ke-2, 2021), penilaian pelajar perlu selaras, konsisten, autentik serta menepati hasil pembelajaran yang ditetapkan. Bagi Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, penilaian ditetapkan melalui **dua komponen** utama iaitu **Penilaian Berterusan (CA**) dan **Penilaian Akhir (FA).** Mulai Semester I Sesi Akademik 2025/2026, pelajar **wajib lulus kedua-dua komponen** untuk lulus kursus. Tahap minimum ditetapkan seperti berikut:

Tahap Lulus			Gred Lulus Kursus
Penilaian Berterusan (CA)/60%	Penilaian Akhir (FA)/40%	Jumlah CA & FA (100%)	
30	10	40%	D

Kegagalan mencapai tahap minimum bagi salah satu komponen akan menyebabkan pelajar gagal kursus walaupun jumlah markah keseluruhan melebihi 40%. Pelajar yang gagal CA tidak perlu menduduki peperiksaan akhir. Keputusan CA (Lulus/Gagal) akan dimaklumkan pada Minggu Ulangkaji (Minggu ke-15)

PENGECUALIAN KURSUS PROGRAM/PINDAH KREDIT

Syarat Pengecualian Kursus

Permohonan pengecualian kursus hanya akan dipertimbangkan sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi:

1. Kursus yang dipohon mempunyai jumlah kredit yang sama atau lebih tinggi berbanding kursus yang ditawarkan di UMT.
2. Pelajar memperoleh gred minimum C atau setaraf di peringkat diploma.
3. Tahap pencapaian kursus di peringkat diploma adalah pada aras minimum Taksonomi Kognitif C3 atau lebih tinggi.
4. Kandungan kursus di peringkat diploma mencapai sekurang-kurangnya 80% persamaan dengan kandungan kursus di peringkat ijazah.

Garis Panduan Permohonan Pengecualian Kursus

1. Permohonan yang memenuhi syarat sahaja akan diterima dan dinilai oleh panel yang dilantik.
2. Permohonan hanya boleh dibuat pada **Semester 1** dan **Semester 2** (Tahun 1) sahaja dan terhad sehingga minggu ke-2 dalam kalender akademik semasa. Permohonan di luar tempoh yang dibenarkan akan dikenakan bayaran.
3. Kursus yang tidak tersenarai adalah tidak dibenarkan untuk permohonan pindah kredit.
4. Dokumen sokongan yang wajib disertakan untuk tujuan penilaian ialah:
    i. Transkrip Diploma, dan
    ii. Maklumat Kursus.
5. Semua permohonan dan proses penilaian adalah tertakluk kepada terma serta syarat yang ditetapkan dan sedang berkuat kuasa di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Senarai kursus adalah seperti berikut:

KATEGORI	NO	KOD	KURSUS	KREDIT
Teras Umum Universiti	1	MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2
	2	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2
	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2
			Jumlah Kredit	**6**
Teras Fakulti	1	ACT3013	Asas Perakaunan Perniagaan	3
	2	ECO3033	Mikroekonomi	3
	3	ECO3043	Makroekonomi	3
	4	FNC3013	Kewangan Pengurusan	3
			Jumlah Kredit	**12**
Teras Program	1	MGM3003	Prinsip Pengurusan	3
	2	MGM3013	Prinsip Pemasaran	3
	3	MGM3023	Pengurusan Pemasaran	3
	4	MGM3043	Gelagat Organisasi	3
			Jumlah Kredit	**12**
Kursus Elektif	1	BBC3013	Bahasa Mandarin 1	3
	2	BBC3023	Bahasa Mandarin 2	3
			Jumlah Kredit	**6**
			JUMLAH PEMINDAHAN KREDIT	**36**

***** Tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di atas

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

PLO1	Menghuraikan prinsip, konsep dan teori dalam bidang pengurusan dan pemasaran. (Knowledge & Understanding)
PLO2	Berkebolehan mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dalam pengurusan dan pemasaran. (Cognitive Skills)
PLO3	Mempamerkan kemahiran melaksanakan fungsi-fungsi pengurusan organisasi dan aktiviti-aktiviti pemasaran. (Practical Skills)
PLO4	Berupaya untuk bekerja secara individu dan berpasukan dalam organisasi. (Interpersonal Skills)
PLO5	Menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan yakin secara lisan dan bertulis. (Communication Skills)
PLO6	Mengaplikasikan kemahiran digital di dalam bidang pengurusan dan pemasaran tradisi. (Digital Skills)
PLO7	Mampu mengaplikasi teknik kuantitatif dalam menyelesaikan masalah. (Numeracy Skills)
PLO8	Mempamerkan kemahiran kepimpinan yang berhemah dan dapat menyesuaikan diri untuk memikul tanggungjawab dalam organisasi dan komuniti. (Leadership, Autonomy & Responsibility)
PLO9	Menghayati keperluan pembelajaran sepanjang hayat. (Personal Skills)
PLO10	Mengamalkan ciri-ciri keusahawanan untuk pembangunan kendiri. (Entrepreneurship)
PLO11	Mengamalkan nilai-nilai etika dalam fungsi-fungsi pengurusan bagi memenuhi tanggungjawab sosial, budaya dan persekitaran. (Ethics & Professionalism)

SKEMA BAHARU PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN
SESI 2026/2027

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				**SEMESTER 2**			
MGM3003	Prinsip Pengurusan	3 (3+0)		MGM3023	Pengurusan Pemasaran	3 (3+0)	
MGM3013	Prinsip Pemasaran	3 (3+0)		MGM3043	Gelagat Organisasi	3 (3+0)	
ACT3013	Asas Perakaunan Perniagaan	3 (3+0)		MGM3033	Statistik Perniagaan dan Pengurusan	3 (3+0)	
ECO3033	Mikroekonomi	3 (3+0)		ECO3043	Makroekonomi	3 (3+0)	
COM3122	Bahasa Melayu Komunikasi	2 (2+0)		MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa (ANB)	2 (2+0)	
MPU3232	Pengenalan Kepada Keusahawanan	2 (2+0)		MPU3182	Falsafah dan Cabaran Semasa (FCS)	2 (2+0)	
				MPU3152	Integriti dan Anti-Rasuah (KIAR)	2 (0+2)	
				CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2	
	JUMLAH	**16**			**JUMLAH**	**20**	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
MGM3053	Pemasaran Sosial	3 (3+0)		MGM3293	Sistem Maklumat Pengurusan	3 (3+0)	
FNC3013	Kewangan Pengurusan	3 (3+0)		MGM3113	Pengurusan Operasi dan Kualiti	3 (3+0)	
MGM3063	Kaedah Kuantitatif dalam Pembuatan Keputusan	3 (3+0)		MGM3123	Penyelidikan Pemasaran	3 (3+0)	
MGM3073	Pengurusan Sumber Manusia	3 (3+0)		MGM3133	Komunikasi Pemasaran Bersepadu	3 (3+0)	
MGM3083	Kelakuan Pengguna	3 (3+0)		MGM3143	Undang-Undang Komersial	3 (3+0)	
MGM3093	Pemasaran Elektronik	3 (3+0)			Elektif 1	3	
COM3012	Santuni Komuniti	2 (2+0)			Elektif 2	2	
	JUMLAH	**20**			**JUMLAH**	**20**	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
MGM3153	Perniagaan Antarabangsa	3 (3+0)		MGM3283	Komunikasi Perniagaan	3 (3+0)	
MGM3163	Keusahawanan	3 (3+0)		MGM3213	Pengurusan Strategik	3 (3+0)	
MGM3173	Pemasaran Perkhidmatan	3 (3+0)		MGM3223	Etika Perniagaan	3 (3+0)	
MGM3183	Pengurusan Produk	3 (3+0)		MGM3233	Pemasaran Antarabangsa	3 (3+0)	
MGM3193	Strategi Penetapan Harga	3 (3+0)		MGM3243	Pengurusan Peruncitan	3 (3+0)	
MGM4983	PITA I/ Elektif 3	3 (0+3)/ 2 (3+0)		MGM4993	PITA II / Elektif 5	3 (0+3)/ 3 (3+0)	MGM4983 syarat PITA II
	Elektif 4	3 (2+0)			Elektif 6	2 (2+0)	
	JUMLAH	**20**			**JUMLAH**	**20**	
SEMESTER 7							
MGM49712	Latihan Industri	12 (0+12)					
	JUMLAH	**12**					
	JUMLAH KREDIT KESELURUHAN	**128**					

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** serta **Kursus Kepintaran Buatan Untuk Pemula (MCBS10017)** sebagai **syarat bergraduat.**
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit elektif** yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan kursus elektif** yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.
4. Kursus Bahasa Ketiga disyorkan diambil sebagai Elektif Umum (ELF) pada semester 4 dan semester 5

INTERNATIONAL STUDENT COURSE NEW SCHEME
BACHELOR OF MANAGEMENT (MARKETING) WITH HONOURS
SESSION 2026/2027

CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	PRE-REQUISITE	CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	PRE-REQUISITE
SEMESTER 1				**SEMESTER 2**			
MGM3003	Principles of Management	3 (3+0)		MGM3023	Marketing Management	3 (3+0)	
MGM3013	Principles of Marketing	3 (3+0)		MGM3043	Organizational Behavior	3 (3+0)	
ACT3013	Business Accounting	3 (3+0)		MGM3033	Business and Management Statistics	3 (3+0)	
ECO3033	Microeconomics	3 (3+0)		ECO3043	Macroeconomics	3 (3+0)	
MPU3102	Elementary Malay Language	2 (2+0)		MPU3162	Malaysian Citra	2 (2+0)	
CCXXXXX	Co-Curriculum	2		MPU3152	Integrity and Anti-Corruption (KIAR)	2 (0+2)	
				BBB3022	The Art of Public Speaking	2 (2+0)	
					Elective 1	2 (2+0)	
Total		**16**		**Total**		**120**	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
MGM3053	Social Marketing	3 (3+0)		MGM3293	Management Information System	3 (3+0)	
FNC3013	Managerial Finance	3 (3+0)		MGM3113	Operations and Quality Management	3 (3+0)	
MGM3063	Quantitative Methods in Decision Making	3 (3+0)		MGM3123	Marketing Research	3 (3+0)	
MGM3073	Human Resource Management	3 (3+0)		MGM3133	Integrated Marketing Communications	3 (3+0)	
MGM3083	Consumer Behavior	3 (3+0)		MGM3143	Commercial Laws	3 (3+0)	
MGM3093	Electronic Marketing	3 (3+0)			Elective 2	3 (3+0)	
CCM3112	Community Care	2 (2+0)			Elective 3	2 (2+0)	
Total		**20**		**Total**		**20**	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
MGM3153	International Business	3 (3+0)		MGM3283	Business Communication	3 (3+0)	
MGM3163	Entrepreneurship	3 (3+0)		MGM3213	Strategic Management	3 (3+0)	
MGM3173	Services Marketing	3 (3+0)		MGM3223	Business Ethics	3 (3+0)	
MGM3183	Product Management	3 (3+0)		MGM3233	International Marketing	3 (3+0)	
MGM3193	Pricing Strategies	3 (3+0)		MGM3243	Retailing Management	3 (3+0)	
MGM4983	Final Year Project I / Elective 4	3 (0+3)/ 3 (3+0)		MGM4993	Final Year Project II / Elective 6	3 (0+3)/ 3 (3+0)	MGM4983 pre-requisite FYP II
	Elective 5	2 (2+0)			Elective 7	2 (2+0)	
Total		**20**		**Total**		**20**	
SEMESTER 7							
MGM49712	Industrial Training	12 (0+12)					
Total		**12**					
TOTAL CREDIT		**128**					

Notes:

1. Students are required to undertake the **Survival and Water Safety Program** and ***Artificial Intelligence for Beginners*** **(MCBS10017)** as a **condition to graduate.**
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the **number of elective credit hours** set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the **number** of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.
4. Third language courses are recommended to be taken as a General Elective (ELF) in semester 4 and semester 5.

SINOPSIS KURSUS

MGM3003 Prinsip Pengurusan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Analisis terhadap teori, prinsip, teknik, dan alat asas pengurusan dengan fokus kepada aktiviti pengurusan yang berkaitan dengan bidang atau fungsi dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan. Penekanan juga akan diberikan kepada pendekatan yang sistematik.

MGM3013 Prinsip Pemasaran
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Pemasaran adalah fungsi perniagaan yang mengenal pasti keperluan dan kehendak pelanggan, menentukan pasaran sasaran terbaik untuk dimasuki, mereka bentuk produk atau perkhidmatan, dan program untuk pasaran terpilih. Prinsip dan konsep berkaitan dengan fungsi pemasaran seperti produk/perkhidmatan; pengedaran; promosi; penetapan harga; perancangan dan pengurusan pemasaran dibincangkan.

MGM3023 Pengurusan Pemasaran
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pelajar pemahaman tentang teori pengurusan pemasaran yang digunakan oleh organisasi perniagaan. Pelajar juga akan mempelajari aplikasi pemasaran seperti menganalisis peluang pemasaran, merangka strategi pemasaran, mereka bentuk program pemasaran, dan mengurus usaha pemasaran. Kursus ini juga merangkumi keputusan pembelian pengguna dan strategi yang berkaitan dengan campuran pemasaran seperti strategi produk dan penetapan harga, dasar pengedaran dan promosi.

MGM3033 Statistik Perniagaan dan Pengurusan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas statistik dalam konteks pengurusan perniagaan dan pengurusan. Fokus statistik deskriptif adalah pada meringkaskan dan membentangkan data, manakala bagi analisis statistik, ia merangkumi topik seperti taburan sampel, anggaran, ujian hipotesis, serta regresi linear mudah dan korelasi.

MGM3043 Gelagat Organisasi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka bentuk untuk membincangkan pelbagai teori dalam tingkah laku organisasi yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pelajar dalam bidang ini pada peringkat individu, kumpulan, dan organisasi. Isu-isu berkaitan nilai, tingkah laku, personaliti, persepsi, dan ciri-ciri, motivasi di tempat kerja, serta tekanan di tempat kerja akan dibincangkan. Akhir sekali, kursus ini memberi tumpuan kepada reka bentuk organisasi, reka bentuk kerja, budaya organisasi, dan perubahan organisasi pada peringkat sistem atau organisasi.

MGM3053 Pemasaran Sosial
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerapkan kaedah pemasaran dalam menyebarkan idea bagi mempengaruhi sikap dan tindakan masyarakat sebagai kumpulan sasaran. Kursus ini juga menekankan analisis persekitaran dan orientasi kumpulan sasaran untuk membangunkan pelan pemasaran sosial melalui penggunaan teknik pemasaran (8P) sebagai mekanisme pemetaan dan perancangan strategi pemasaran. Kursus ini turut membincangkan proses penilaian dan kaedah kawalan terhadap sebarang program pemasaran sosial yang akan dijalankan.

MGM3063 Kaedah Kuantitatif Dalam Pembuatan Keputusan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan pada penggunaan teknik kuantitatif dalam membuat keputusan dalam pengurusan perniagaan. Antara topik yang terlibat termasuk pembentukan model, teori keputusan, teori kawalan inventori, pengaturcaraan linear menggunakan graf dan analisis sensitiviti, teori barisan menunggu, simulasi, PERT/CPM, dan lain-lain.

MGM3073 Pengurusan Sumber Manusia
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberikan pelajar pengetahuan mengenai keseluruhan proses pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi. Ini akan membantu pelajar memahami jangkaan dan cabaran di tempat kerja sebenar.

MGM3083 Kelakuan Pengguna
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan pemahaman tentang aspek penting tingkah laku pengguna yang merangkumi pemerolehan, penggunaan, dan pelupusan barangan dan perkhidmatan oleh unit membuat keputusan. Kursus ini juga mengkaji ciri-ciri pengguna individu dan faktor dalaman seperti sikap, motivasi, personaliti, dan persepsi, serta faktor luaran seperti keluarga, kumpulan rujukan, faktor sosial dan pengaruh budaya..

MGM3093 Pemasaran Elektronik
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pengenalan menyeluruh kepada prinsip, alat, dan strategi pemasaran elektronik dalam persekitaran perniagaan masa kini. Ia meneroka bagaimana teknologi digital telah mengubah amalan pemasaran tradisional, membolehkan organisasi menggunakan pendekatan berbilang saluran dan strategi yang bersepadu. Pelajar akan didedahkan kepada asas strategi pemasaran elektronik, komunikasi elektronik, dan penglibatan pelanggan dalam pasaran atas talian.

MGM3113 Pengurusan Operasi dan Kualiti
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan peranan strategik pengurusan kualiti dan operasi serta hubungannya dengan fungsi organisasi lain. Peranan dan fungsi pengurus operasi turut dibincangkan secara terperinci, termasuk isu dan masalah yang dihadapi serta pendekatan terbaik untuk menanganinya. Prinsip operasi yang digunakan dalam menyelesaikan isu dan masalah juga akan diterangkan.

MGM3123 Penyelidikan Pemasaran
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori dan prosedur asas yang terlibat dalam menjalankan penyelidikan pemasaran, meliputi topik seperti reka bentuk penyelidikan, pengukuran dan skala, mereka bentuk instrumen, pengumpulan data, dan analisis data. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengumpul, menganalisis, dan mentafsir data bagi membuat keputusan yang berinformasi serta menangani cabaran pemasaran dengan berkesan dalam persekitaran perniagaan yang dinamik.

MGM3133 Komunikasi Pemasaran Bersepadu
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dalam membangunkan komunikasi pemasaran yang berkesan melibatkan proses perancangan, pembentukan, penggunaan, dan pengurusan promosi untuk syarikat. Pelajar akan dapat menghasilkan pelan komunikasi pemasaran bersepadu yang komprehensif yang merangkumi aspek penyelidikan promosi, kreativiti dalam promosi media, dan pengurusan.

MGM3143 Undang-Undang Komersial
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pengetahuan dan pemahaman mengenai prinsip undang-undang komersial yang penting bagi transaksi perniagaan dalam pasaran moden. Pelajar akan mempelajari undang-undang kontrak sebagai asas kepada transaksi komersial, termasuk pembentukan kontrak, elemen-elemen utama (tawaran, penerimaan, balasan, niat, keupayaan, dan kerelaan bebas), kaedah penamatan kontrak, serta remedi bagi pelanggaran kontrak. Kursus ini juga melangkaui prinsip asas kontrak dengan meneroka hubungan dan transaksi komersial khusus, termasuk undang-undang ejen, jualan barang di bawah Akta Jualan Barang 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999, serta perjanjian sewa beli.

MGM3153 Perniagaan Antarabangsa
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar mengenai isu perniagaan antarabangsa dan globalisasi. Antara topik yang dibincangkan termasuk perdagangan dan pelaburan antarabangsa, pasaran kewangan antarabangsa, dan pengurusan operasi antarabangsa.

MGM3163 Keusahawanan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan teori, prinsip, dan pendekatan dalam kejayaan pengurusan perniagaan keusahawanan. Selain itu, pendekatan strategik turut diberikan kepada kaedah dan pendekatan membuat keputusan oleh usahawan serta penggemblengan kemahiran bagi memastikan keputusan tersebut berjaya dilaksanakan dalam persekitaran yang sebenar dan mencabar.

MGM3173 Pemasaran Perkhidmatan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan dan pemahaman tentang konsep dalam Pemasaran Perkhidmatan. Dalam masa yang sama, kursus ini meningkatkan kemahiran komunikasi dan interpersonal pelajar melalui kajian kes dan tugasan yang diberikan sepanjang kursus, yang berkaitan dengan pembangunan hubungan yang kukuh dengan pelanggan melalui penyampaian perkhidmatan berkualiti untuk mencapai kepuasan pelanggan serta kelebihan daya saing dalam industri.

MGM3183 Pengurusan Produk
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan polisi dan prosedur pelepasan produk, pengurusan kitar hayat produk, pengelasan dan penempatan produk, analisis dan hasil portfolio produk, sistem perancangan serta proses pembentukan produk baharu dari peringkat awal hingga ke peringkat pengkomersialan. Isu semasa yang berkaitan juga turut dibincangkan.

MGM3193 Strategi Penetapan Harga
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pemahaman tentang teori, model, konsep dan mekanisme penetapan harga yang boleh digunakan oleh pemasar untuk memaksimumkan keuntungan. Kursus ini turut menggabungkan beberapa aspek lain dalam penetapan harga seperti teori ekonomi, undang-undang, etika dan tanggungjawab sosial. Kursus ini juga mengambil kira faktor kognitif dan emosi dalam menentukan harga.

MGM3213 Pengurusan Strategik
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerapkan teori pengurusan strategik dengan menganalisis faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi organisasi perniagaan. Kursus ini juga menekankan penggunaan model pengurusan strategik dalam membuat keputusan pengurusan strategik oleh para pengurus. Selain itu, dengan memahami strategi perniagaan yang berkesan dan sistematik, ia dapat membantu proses penilaian pengurusan secara strategik dalam organisasi..

MGM3223 Etika Perniagaan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan pemahaman tentang prinsip etika yang perlu diterapkan dalam menganalisis isu moral dan amalan perniagaan. Prinsip asas etika termasuk teori utilitarianisme, keadilan, hak dan etika penjagaan akan dibincangkan melalui kajian kes perniagaan yang merangkumi konteks pemasaran, ekonomi dan pasaran, pengurusan pekerja, serta persekitaran perniagaan dan sosial.

MGM3233 Pemasaran Antarabangsa
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas-asas pemasaran antarabangsa, meneroka bagaimana perniagaan berkembang secara global dan menyesuaikan strategi mereka dengan pasaran yang berbeza. Topik yang dibincangkan termasuk strategi kemasukan pasaran, pengaruh budaya, penjenamaan global, penetapan harga, promosi, dan pengedaran, serta kesan pemasaran digital, peraturan perdagangan, dan trend ekonomi. Pelajar akan memperoleh pemahaman tentang bagaimana syarikat mengatasi cabaran dan memanfaatkan peluang dalam pasaran antarabangsa.

MGM3243 Pengurusan Peruncitan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai aspek teori dan praktikal dalam pengurusan peruncitan. Topik yang dibincangkan termasuk pengenalan kepada pasaran peruncitan, strategi kewangan dalam peruncitan, penilaian dan pemilihan lokasi peruncitan, pengurusan perdagangan, pengurusan kedai, reka bentuk dan susun atur kedai, peragaan visual, dan pengurusan perkhidmatan pelanggan.

MGM3253 Pemasaran Langsung
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan berkaitan elemen-elemen pemasaran langsung. Ini akan membantu meningkatkan pengetahuan pelajar tentang kepentingan dan kelebihan pemasaran langsung dalam pengurusan pemasaran untuk menghadapi persaingan dalam perniagaan. Objektif kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar memahami konsep dan proses pemasaran langsung sebagai salah satu aktiviti pemasaran. Kursus ini juga diharapkan dapat membantu pelajar mengenal pasti kepelbagaian kaedah yang digunakan dalam pemasaran langsung serta menilai kepentingan pemasaran langsung dalam pelbagai sektor dan industri.

MGM3263 Pengurusan Barang dan Pembelian
Jam Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas pembelian dan pengurusan bekalan dalam rangka kerja pengurusan rantaian bekalan strategik. Ia memberikan pemahaman menyeluruh mengenai prinsip dan teori yang berkaitan dengan perniagaan dan perolehan, dengan menekankan peranan mereka dalam operasi rantaian bekalan organisasi. Selain itu, kursus ini meneroka aspek-aspek utama seperti pemilihan pembekal, pengurusan kualiti, dan strategi pembelian serta bekalan yang berkesan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan daya saing.

MGM3273 Undang-Undang Pekerjaan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan hubungan antara majikan dan pekerja serta majikan dan kesatuan pekerja. Pelajar didedahkan dengan maksud 'pekerja' dan 'majikan' di bawah undang-undang, serta kontrak pekerjaan dan syarat-syarat kontrak pekerjaan, hak dan keistimewaan pekerja di bawah undang-undang, dan perlindungan terhadap pemberhentian perkhidmatan.

MGM3283 Komunikasi Perniagaan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada fungsi dan kepentingan komunikasi dalam bidang perniagaan. Secara khusus, kursus ini akan menumpukan kepada aplikasi komunikasi dari aspek manusia dan teknikal dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi. Penekanan khas akan diberikan kepada strategi komunikasi.

MGM3293 Sistem Maklumat Pengurusan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Termasuk teori-teori komunikasi dalam organisasi, psikologi pemprosesan maklumat manusia, sains pembuatan keputusan dan model asas di sebalik sistem maklumat, sistem sokongan, keperluan penentuan maklumat, serta pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan sumber sistem maklumat.

MGM4983 Projek Ilmiah Tahun Akhir I
Jam Kredit : 3 (0+3)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan elemen-elemen asas dalam menjalankan projek tahun akhir. Kursus ini merangkumi pengenalpastian aspek-aspek penting dalam penyelidikan seperti penyelesaian masalah, hipotesis, dan objektif yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Ia juga melibatkan penulisan ulasan karya, kepentingan kajian, dan sumbangan yang diharapkan daripada hasil projek kepada Projek Tahun Akhir II. Kursus ini menyediakan pelajar dengan kemahiran penulisan teknikal dan kemahiran pembentangan.

MGM4993 Projek Ilmiah Tahun Akhir II
Jam Kredit : 3 (0+3)
Prasyarat : MGM4983 (Projek Ilmiah Tahun Akhir I) (Wajib Lulus)

Kursus ini memberikan peluang kepada pelajar untuk meneruskan pembangunan proposal daripada Projek Tahun Akhir I. Penekanan akan diberikan kepada analisis data, pembentangan hasil, dan penulisan artikel. Kursus ini memfokuskan kepada elemen-elemen lanjutan dalam menjalankan projek tahun akhir berdasarkan bidang kepakaran yang dikenalpasti.

MGM49712 Latihan Industri
Jam Kredit : 12 (0+12)
Prasyarat : Tiada

Kursus pelengkap bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman kerja. Tumpuan kepada perancangan dan aplikasi kemahiran pengurusan sesuai dengan bidang major yang dipilih. Latihan industri akan dijalankan dalam organisasi di bawah penyeliaan pensyarah dan penyelia yang dilantik.

HUBUNGI KAMI



Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

09 633 4222
fbesd@umt.edu.my
https://fbesd.umt.edu.my/
www.facebook.com/OfficialFBESD